


# JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU)



## PENGENALAN

Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan dipertingkatkan melalui penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU). Penubuhan JITU dikeluarkan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014.

## OBJEKTIF JITU

- Mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi melalui pembudayaan dan pengamalan nilai-nilai murni dan etika;
- Merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan terutamanya dalam pengurusan kewangan Kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh agama serta perundangan dan peraturan; dan
- Mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu semasa berimpak tinggi yang merentasi agensi secara proaktif melalui mekanisme musyawarah, permuafakatan dan tindakan segera untuk rakyat.

## TERMA RUJUKAN JITU

Enam terma rujukan pemantapan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan adalah seperti berikut:



## Peranan dan Tanggungjawab JITU Peringkat Kementerian/ Jabatan/ Daerah

- Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan terma-terma rujukan JITU, sumber-sumber seperti laporan auditan dan mesyuarat-mesyuarat mengenai tadbir urus;
- Mengambil tindakan susulan terhadap keputusan JITU Peringkat Negeri untuk dilaksanakan di Kementerian /Jabatan/ Daerah;
- Memantau inisiatif dan langkah-langkah penambahbaikan yang telah dikenal pasti dalam Mesyuarat JITU Peringkat Negeri dan;
- Menimbang pelaporan maklum balas dan cadangan penambahbaikan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JITU Peringkat Negeri.

## Struktur Aliran Pelaksanaan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) Dan Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU).



### Kekerapan Mesyuarat JITU dan Pelaporan

- Sekurang-kurangnya tiga kali setahun
- Sebarang isu/masalah yang dikenal pasti perlu dikemukakan sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh Mesyuarat JITU dan dikemukakan kepada pihak urus setia JITU peringkat JKR ke alamat berikut:

### Urus Setia JITU Peringkat JKR,

#### Bahagian Integriti

Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Tingkat 32, Menara Kerja Raya (Blok G), Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur.  
No. Tel: 03-2618 8615/ 8723/ 8728  
Email: integriti.jkr@1govuc.gov.my